

**Cita-Cita Anwar Atau Abdul Hadi Jadi Perdana Menteri Tidak Akan Tercapai
Bernama
19 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Kalangan Anggota Parlimen Barisan Nasional dan Bebas yakin cita-cita Pakatan Pembangkang untuk melantik Datuk Seri Anwar Ibrahim mahupun Datuk Seri Abdul Hadi Awang sebagai perdana menteri tidak akan tercapai.

Anggota Parlimen Putrajaya Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata ini kerana pakatan itu tidak akan mampu menawan Putrajaya pada pilihan raya umum akan datang.

"Itu masalahnya dengan pembangkang, mereka sendiri tiada pendirian tetap mengenai siapa paling layak untuk jadi pemimpin nombor satu negara.

"Saya percaya rakyat tidak akan terpedaya dengan helah mereka kerana pakatan sendiri tidak pernah melaksanakan apa yang mereka janjikan," katanya ketika ditemui pemberita di lobi Parlimen di sini Isnin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan seorang perwakilan Dewan Ulama Pas yang mencadangkan pada Muktamar Tahunan PAS ke-58 baru-baru ini, supaya presiden mereka, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dipilih menjadi perdana menteri jika pembangkang memenangi pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=709983>